

**NO. SOALAN: 537**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**RUJUKAN : 9787**

**SOALAN :**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibú ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang memohon kewarganegaraan di negeri Sarawak dan jumlah yang telah diluluskan permohonan kewarganegaraan mereka dalam tahun 2013 sampai 2017. Senaraikan mengikut tahun.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Sarawak bagi tahun 2013 hingga 31 Januari 2017 adalah sebanyak 2,914 permohonan. Perincian mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (Orang)
2013	796
2014	827
2015	573
2016	654
31 Januari 2017	64
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2,914</b>

Daripada jumlah tersebut, pemohon yang telah dianugerahkan kewarganegaraan dalam tempoh yang sama adalah sebanyak 508 orang dengan perincian mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (Orang)
2013	212
2014	102
2015	111
2016	77
31 Januari 2017	6
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>508</b>